



# Buletin CKIP

## Bil 2/2019



**PROJEK MEMBINA TEMPAT  
LETAK KERETA BERTINGKAT  
(PARK & RIDE) STESEN  
KOMUTER KLANG**

PENYERAHAN LENGKAP 5-DALAM-1

# Perutusan Pengarah



Bismillahir-Rahmannir-Rahim  
Selawat dan Salam Ke Atas Nabi  
Muhammad SAW.  
Assalamualaikum Warahmatullahi-  
wabarakatuh,

Bersyukur kehadrat Ilahi dengan izin-Nya  
Buletin CKIP Bil.2/2019 ini berjaya  
diterbitkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah  
saya ucapkan kepada semua pihak yang  
terlibat, baik dari Pasukan Sidang Redaksi,  
Ketua-Ketua Bahagian serta Ahli  
Jawatankuasa Komunikasi Korporat  
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur  
Pengangkutan.

Dengan penerbitan buletin ini, diharapkan agar ianya dapat  
dimanfaatkan oleh setiap warga JKR dan orang awam amnya. Saya  
amat mengalu-alukan sebarang maklumbalas dan cadangan bagi  
menambahbaik penerbitan ini dari semasa ke semasa.

Semoga buletin ini dapat menjadi wadah dalam perkongsian ilmu,  
pengalaman manis dan pahit pegawai-pegawai sepanjang  
berkhidmat di Cawangan ini. saya mendoakan agar ukhuwah yang  
sedia ada terbina dalam kalangan warga kerja CKIP akan berkekalan  
dan segala aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan  
jayanya pada masa yang akan datang.

Ir. Mohamed Amin bin Kasim  
Pengarah  
Caw. Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan  
Disember 2019

# Sidang Redaksi



Ir. Mohamed Amin Bin Kasim  
Penasihat



Ir. Siti Nurulhuda Binti  
Amirrudin  
Ketua Editor



Mohd Idzwan Bin Razali  
Editor



Mohd Fariz Bin Che Mud  
Penolong Editor

## Wakil Bahagian

### Bahagian Ukur Tanah

**Sr Noor Helmy Bin Noordin**  
**Penolong Pengarah Kanan**

### Bahagian Maritim

**Ir. Wong Thian Chiun**  
**Jurutera Awam**

### Bahagian DDT

**Aufazikri Bin Ahmad Bazain**  
**Jurutera Awam**

### Bahagian PMO

**Munirah Binti Murad**  
**Jurutera Awam**

### Bahagian Pangkalan Udara

**Nabihah Hannan Binti Mohd Noor Shah**  
**Jurutera Awam**

### Bahagian Mekanikal

**Hamza Bin Abu Husin**  
**Penolong Jurutera Mekanikal**

### Bahagian Arkitek

**Muhamad Haidar Bin Ahmad Zaini**  
**Arkitek**

### Bahagian Elektrik

**Khairul Azhar Bin Abdul Hamid**  
**Penolong Jurutera Elektrik**

### Bahagian Ukur Bahan

**Noorhidayah Binti Baharum**  
**Penolong Juruukur Bahan**

### Bahagian Darat

**Nur Syafiqah Binti Ahmad Jamal**  
**Penolong Jurutera Awam**

# Isi kandungan

1	Penyerahan Projek Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park & Ride) Dan Menaik Taraf Bangunan Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Menaik Taraf Prasarana Di Jalan Raya Timur Di Bandar Klang, Selangor Darul Ehsan	Taklimat Sistem Pengurusan Tenaga (SPT)	9
2	Majlis Penyerahan Projek Sistem Pengawasan Laut Malaysia	Majlis Tadarus Al-Quran	10
3	Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (TKPKR) Sektor Infra	Taklimat Kursus Pengurusan Buku Rekod Perkhidmatan	11
4	Hari Bersama Pelanggan	Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik (APPT)	12
5	Penyerahan Surat Setuju Terima (SST)	Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS))	13
6	Program bersama Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP)	Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	14
7	Program Hari Integriti Dan Ikrar Bebas Rasuah	Audit dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (SPPKP)	15
8	Program Wacana Ilmu dan Edaran bubur lambuk	Pergerakan pegawai berpindah masuk	16-17
16-17	Pergerakan pegawai berpindah masuk	Pergerakan pegawai berpindah keluar	18-19
20	Anugerah Tokoh Cawangan	Anugerah Tokoh Cawangan	21
22	Futsal Piala Pengarah JKR Wilayah 2019		

## Penyerahan Projek Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park & Ride) Dan Menaik Taraf Bangunan Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Menaik Taraf Prasarana Di Jalan Raya Timur Di Bandar Klang, Selangor Darul Ehsan

Majlis Penyerahan Projek Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park & Ride) Dan Menaik Taraf Bangunan Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Menaik Taraf Prasarana Di Jalan Raya Timur Di Bandar Klang, Selangor Darul Ehsan telah berlangsung dengan jayanya pada 18 November 2019, bertempat di Bangunan Tempat Letak Kereta Bertingkat Park & Ride Klang.

Penyerahan projek telah disempurnakan oleh Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim, yang juga merupakan Pegawai Penguasa Projek serta tetamu khas Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) iaitu Encik Azhar Bin Ahmad. Sesi menandatangani sijil penyerahan projek di antara Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) juga berjalan lancar.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh pasukan-pasukan dari Head of Project Team (HOPT), Head of Design Team (HODT) serta tidak terkecuali dari pihak Wakil Pegawai Penguasa (Utama & Pakar). Turut hadir memeriahkan majlis adalah dari pihak Kementerian Pengangkutan (MOT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Majlis Perbandaran Klang (MPK) juga kontraktor utama serta pihak Nominated Sub-Contractor (NSC).

Projek ini telah berjaya diserah kepada pihak pelanggan secara ‘5 dalam 1’ iaitu lengkap dengan dokumen berikut:

1. Perakuan Siap Kerja (CPC)
2. Lukisan Terbina (As-Built Drawings)
3. Penyata Akaun Muktamad (SOFA)
4. Manual Operasi & Senggaraan (O&M) dan ;
5. Sijil Jaminan Hasil Kerja serta Produk (Warranty Certificate)



## MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SISTEM PENGAWASAN LAUT MALAYSIA (MSSS), APMM RADAR PULAU PERAK & PULAU JARAK

Majlis Penyerahan Projek Sistem Pengawasan Laut Malaysia (MSSS) Fasa II untuk APMM Radar Pulau Perak & Pulau Jarak berlangsung pada 4 Ogos 2019. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Ar Zairul Bin Badri TKPKR (Sektor Bangunan), kepada TKSU (P), Kementerian Dalam Negeri (KDN). Majlis penyerahan ini dihadiri juga oleh Pegawai Tertinggi APMM serta Pasukan Projek Maritim dan lain-lain. Projek ini berjaya disiapkan secara 4 dalam 1 iaitu *Certificate Practical of Completion (CPC)*, *Statement of Final Account (SOFA)*, Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*), dan *Coffee Table Book*.



PENYERAHAN LENGKAP 4-DALAM-1



## LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA ( SEKTOR INFRA) KE CKIP

TARIKH : 6 Mei 2019

TEMPAT : BILIIK MESYUARAT UTAMA TINGKAT 8, BLOK F, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

Sesi Lawatan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), YBrs. Ir. Zulakmal Bin Sufian ke CKIP telah berlangsung pada 6 Mei 2019.

Sesi lawatan ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat CKIP Tingkat 8 dan telah dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian CKIP. Sebelum majlis bersurai, YBrs. Ir. Zulakmal telah menandatangani Buku Lawatan CKIP dan bergambar bersama Ketua-Ketua Bahagian di CKIP.



## HARI BERSAMA PELANGGAN

Hari Bersama Pelanggan 2019 telah diadakan di Bilik Nilam 2, Blok G, Kompleks Kerja Raya pada 7 November 2019. Program ini telah di pengerusikan oleh YBrs Ir. Mohamed Amin Bin Kasim, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP). Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian CKIP. Pada tahun ini pelanggan yang dijemput adalah terdiri daripada pelanggan bagi projek di Bahagian Darat . Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas dari pihak pelanggan berkenaan perkhidmatan yang di berikan oleh pihak CKIP.


Pelanggan yang terlibat:

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
2. Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
3. Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)



## PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST)

Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi pelantikan perunding ukur tanah telah diadakan di Bilik Nilam 2, Blok G, Kompleks Kerja Raya pada 7 November 2019. Penyerahan Surat Setuju Terima tersebut telah diserahkan kepada lima Perunding ukur tanah yang telah berjaya dipilih untuk melaksanakan kerja ukur tanah bagi projek-projek JKR. Penyerahan ini telah disampaikan oleh YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP). Harapan Pengarah CKIP agar perunding yang berjaya ini dapat melaksanakan kerja ukur tanah dengan sempurna mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Majlis ini turut dihadiri juga wakil-wakil daripada Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT), Sabah Surveyors Board dan Land Surveyor Board Sarawak.



## PROGRAM BERSAMA PENGARAH CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN (CKIP)

Program bersama Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan , YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim telah diadakan pada 4 Julai 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Program dimulakan dengan penyampaian amanat oleh YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim Pengarah CKIP. Antara perkara yang disentuh dalam amanat beliau adalah mengenai kejayaan CKIP menyerahkan 5 buah projek pada tahun 2018. Beliau juga menyeru agar warga CKIP mempunyai semangat kerja berpasukan dan sentiasa gigih dalam menimba ilmu pengetahuan serta sentiasa berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan Profesional bagi meningkatkan kompetensi dan keterampilan diri masing-masing sebagai seorang pegawai teknikal.



## PROGRAM HARI INTEGRITI DAN IKRAR BEBAS RASUAH CKIP

Program Hari Integriti dan Ikrar Bebas Rasuah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Majlis dimulakan dengan ceramah integriti oleh Penceramah Undangan daripada Pengarah Unit Integriti, Kementerian Kerja Raya, YBrs. Tuan Zuber bin Zainal. Seterusnya, majlis diteruskan dengan sesi pembacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh warga kakitangan CKIP yang diketuai oleh Pengarah CKIP, YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim. Selesai bacaan ikrar dilafazkan, majlis diteruskan dengan sesi menandatangani sijil Ikrar Bebas Rasuah oleh Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian CKIP.

IBR ini merupakan inisiatif yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea mantan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Program ini diharap dapat memantapkan sifat integriti sedia ada dalam diri setiap penjawat awam di CKIP di samping membanteras gejala rasuah yang menjadi racun di dalam pembangunan sesebuah bangsa dan negara.



## PROGRAM WACANA ILMU

16 Mei 2019- Satu Program Wacana Ilmu sempena bulan Ramadan yang telah dianjurkan oleh Bahagian Korporat KESUKIP CKIP. Program Wacana Ilmu ni telah di sampaikan oleh Ustaz Khisamudin Bin Ismail, Iman Masjid Negara yang bertajuk " RAMADHAN DALAM BUDAYA KERJA". Objektif program ini diadakan bagi memupuk kesedaran dan mengamalkan Sunnah dalam kerja sehari-hari di samping mengekalkan Integriti dalam menjalankan tugas sebagai Penjawat Awam. Majlis berakhir dengan edaran bubur lambuk kepada warga CKIP.



## TAKLIMAT SISTEM PENGURUSAN TENAGA (SPT)



13 Mei 2019 - Satu sesi Taklimat Sistem Pengurusan Tenaga (SPT) ISO 50001:2018 telah dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi Audit Pemantauan SIRIM MS ISO 50001. SPT merupakan pengurusan yang bersifat holistik secara sistematis yang merangkumi semua elemen yang memberi kesan kepada penggunaan tenaga dalam bangunan dan bertujuan memastikan penggunaan tenaga dengan cekap.

Tajuk : Taklimat Sistem Pengurusan Tenaga (SPT)

Masa : 2.00 Petang – 4.00 Petang

Penceramah : Ir. Mohd Adam Bin Abdullah

(Ketua Bahagian Elektrik CKIP).



## MAJLIS TADARUS AL-QURAN

Majlis Tadarus Al-Quran telah berlangsung pada Jumaat, 28 Mei 2019 bersamaan 24 Ramadan 1440H. Majlis yang bersempena *World Quran Hour* ini telah diadakan di Surau Kerja Raya, Tingkat 2, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Beberapa orang pegawai daripada CKIP turut juga menyertai program tersebut;

1. Ir. Nurul Akmar Binti Mohamad Ramli
2. Puan Syawailul Azrian Binti Azmi
3. Cik Munirah Binti Murad
4. En. Ridza Hafizuddin Bin Ab Majid
5. En. Samri Bin Embong
6. Puan Siti Wahida Binti Sulaiman
7. Puan Wahidah Binti Ismail




## TAKLIMAT KURSUS PENGURUSAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN

Pada 4 Julai 2019, satu sesi taklimat Kursus Pengurusan Buku Rekod Perkhidmatan telah diadakan dari jam 2.30- 3.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Sofiah Binti Ahmad Shahuddin daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR. Kandungan maklumat yang disampaikan adalah seperti berikut:

- i. Panduan dalam mengurus Buku Perkhidmatan.
- ii. Pekeliling Perkhidmatan 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat (30 April 2007)
- iii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2008 – Panduan Menguruskan Buku Perkhidmatan Kerajaan (6 November 2008)

Program diteruskan dengan sesi semakan dan pemeriksaan buku rekod perkhidmatan di Unit Pentadbiran CKIP.



## ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN PEJABAT TERBAIK (APPT)

Sesi Penilaian Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik (AIPPT) 2019 telah berlangsung pada 25 Julai 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8 CKIP. Ahli Panel terdiri 6 orang Pegawai Penilai:

1. Ir. Zuraidah Binti Muhamad
2. Ir. Ana Salmi Binti Ahmad Salman
3. Ir. Norshahfariz Bin Bismi
4. En. Hasrudin Bin Md Fadzali
5. En. Norisyam Bin Maseri
6. Puan Juhanis Binti Alias

Kriteria penilaian dan pembahagian markah adalah berdasarkan perkara berikut:

- i. Pengurusan Am Pejabat
- ii. Usaha-usaha ke Arah Pembudayaan Inovasi dan Kualiti serta Peningkatan Kompetensi.
- iii. Pengurusan Pelanggan
- iv. Usaha ke Arah Mewujudkan Hubungan Harmoni.



## AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS)

Pasukan Audit Dalam JKR SPAS telah menjalankan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) JKR ISO 14001:2015 ke atas Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan. Perlaksanaan Audit berlangsung selama 2 hari iaitu pada 5 & 6 Ogos 2019. Skop Audit adalah melibatkan semua aktiviti (Prosedur Pengurusan dan Operasi)SPAS JKR ISO 14001:2015.

Panel Pasukan Auditor terdiri daripada:

1. Pn. Rosmazura Binti Razali- Ketua Pasukan Audit (KPA)
2. Pn. Nur Adila Binti Abidin- Timbalan Ketua Pasukan Audit (TKPA)
3. Pn. Zuhana Binti Rasmin- Juruaudit (JAD)
4. En. Mohd Riduan Bin Juhari @ Salim- Juruaudit (JAD)
5. Pn. Siti Kamariah Binti Mohd Yussop- Juruaudit (JAD)
6. Pn. Juliana @ Hafasah Binti Md Salleh- Juruaudit (JAD)



Objektif Audit SPAS adalah:

- i. Untuk menilai pematuhan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh organisasi adalah berlandaskan dasar dan objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) JKR yang menepati piawaian ISO 14001:2015.
- ii. Untuk menilai bahawa aktiviti-aktiviti tersebut juga memenuhi keperluan prosedur-prosedur, arahan-arahan kerja dan perundangan yang telah ditetapkan.
- iii. Untuk mengesahkan bahawa tindakan yang berkesan telah diambil terhadap laporan ketidakpatuhan yang dikeluarkan semasa audit terdahulu.



## TAKLIMAT EKOSISITEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) telah dilantik sebagai Fasilitator dan Jawatankuasa Latihan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) untuk Premis Blok F bagi tahun 2019. Sebagai mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan Amalan EKSA selaras dengan usaha memperkuuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif warga JKR di Blok F, satu taklimat mengenai Panduan Pelaksanaan EKSA telah berlangsung pada 10 Julai 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Kehadiran peserta adalah seramai 44 orang yang terdiri daripada wakil Cawangan-Cawangan di Blok F.

Penceramah jemputan:

Sesi 1: Pelaksanaan dan Persijilan EKSA  
 - En. Ashrif Bin Abd Jalil (Bahagian Pengurusan Kualiti CDPK)

Sesi 2: Kriteria & Penemuan Audit  
 - En. Hazrul Aizat Bin Mohammad (Bahagian Pengurusan Kualiti CDPK).



## AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPPKP)

Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) JKR OHSAS 18001:2007 di Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan bagi tahun 2019 diadakan pada 5 hingga 8 Ogos 2019 yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 8, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Audit melibatkan pejabat tapak dan kawasan tapak Projek.

Pasukan Panel Auditor:

1. Hj. Mohd Nazri Bin Alli (KPPA)
2. Ir. Hanif Bin Latif ( TKPA)
3. Pn. Rabia Binti Mohd Zamani (JAD)
4. En. Fakhrurozi Bin Suhaimi (JAD)
5. En. Mohd Shahrizan Bin Mohd Suriddin (JAD)

Projek-projek yang terlibat adalah:

- i. Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park 'N' Ride) Dan Menaiktaraf Bangunan Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Menaiktaraf Prasarana Di Jalan Raya Timur Di Bandar Klang, Selangor Darul Ehsan.
- ii. Landasan Pantai Timur-Membaikpulih Dan Menaiktaraf Landasan Gemas - Mentakab.
- iii. Projek Pembinaan Infrastruktur Bagi Pesawat Helikopter Di Pangkalan Udara TUDM : Pakej 1 - Pangkalan Udara TUDM Kuantan (Tender Semula).
- iv. Projek Pembinaan Semula Infrastruktur Asas Di Pulau Jarak, Perak.



## PERGERAKAN PEGAWAI BERPINDAH MASUK



Mohd Zainudin bin Jaafar  
Arkitek, Gred J48  
Bahagian Arkitek  
02.05.2019



Ir. Abd Rashid bin Hussin  
Jurutera Mekanikal, Gred J41  
Bahagian Mekanikal  
02.05.2019



Sr Mazlan bin Zainal  
Juruukur, Gred J44  
Unit Ukur Tanah Wilayah Timur  
12.05.2019



Ir. Cyril Chai Tze Chin  
Jurutera Awam, Gred J44 (M)  
Bahagian Darat  
01.07.2019

## PERGERAKAN PEGAWAI BERPINDAH MASUK



Mohd Rizal bin Saari  
Jurutera Awam, Gred J41  
Bahagian Ukur Tanah  
01.08.2019



Nur Hayati binti Ayob  
Juruukur, Gred J41  
Unit Ukur Tanah Ibu Pejabat  
19.08.2019



Amir bin Saleh  
Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29  
Bahagian Elektrik  
22.08.2019



Mohd Azlan bin Juhari  
Penolong Jurutera Elektrik Gred JA29  
Bahagian Elektrik  
22.08.2019

## PERGERAKAN PEGAWAI BERPINDAH KELUAR



Nor Azahani Binti Mat Dali  
JKR Pulau Pinang  
Jurutera Awam, Gred J44  
01.08.2019



Abd Rahim bin Abd Rahman  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia  
Juruukur, Gred J41  
19.08.2019



Ir Ng Seng Huat  
CDPK (Cuti Belajar)  
Jurutera Awam Penguasa Gred J52  
09.09.2019



Wan Fadzlini Bin Wan Jusoh  
Cawangan Kerja Bangunan Am 1  
Arkite Kanan, Gred J48  
02.05.2019



Mohd Eizzuddin Bin Mahyeddin  
Tamat Perkhidmatan  
Jurutera Awam Gred J44  
16.09.2019

## PERGERAKAN PEGAWAI BERPINDAH KELUAR



Noor Aliah binti Nordin  
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal  
Jurutera Mekanikal, Gred J41  
02.05.2019



Sr Mohamaad Aidi Amin Bin Dir  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia  
Juruukur, Gred J44  
15.05.2019



Mohd Suhaimi Bin Azit  
Cawangan Kejuruteraan Geoteknik  
Jurutera Awam, Gred J44  
01.07.2019



Israffil @ Mohd Israffil Bin Mohd Isa  
Caw. Senggara Fasiliti Bangunan  
Penolong Jurutera (Awam), Gred JA29  
22.07.2019



Nurul Azalan Bin Abdul Aziz  
JKR Perak (Lumut)  
Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29  
22.08.2019

## PEGAWAI BERSARA



Seluruh warga Jabatan Kerja Raya amnya warga CKIP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas khidmat bakti kepada ENCIK AZAHARI BIN MD NOR, JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN yang telah menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan awam pada 2 Disember 2019.



### Anugerah dan Pengiktirafan

Bakti Khidmat Terpuji (BKT) Melaka  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 1999  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2009  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2015

## ANUGERAH TOKOH CAWANGAN CKIP JAN - JUN 2019

25 September 2019- Penyampaian Anugerah Tokoh Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan CKIP bagi bulan Jan hingga Jun 2019 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat CKIP Tingkat 8 Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Anugerah telah disampaikan oleh YBrs. Ir. Mohamed Amin Bin Kasim, Pengarah CKIP dan disaksikan oleh Ketua-ketua Bahagian CKIP.

Pegawai-pegawai yang menerima Anugerah ini adalah seperti berikut:

- 1- En. Md Khairull Nizam Bin Kamisan (Kategori gred 41-44), Bahagian Mekanikal.
- 2- Puan Seri Ermaniza Binti Mohd Emran (Kategori 17-40), Bahagian Kontrak & Ukur Bahan.

Tahniah diucapkan kepada pegawai-pegawai tersebut.

## JAN-JUN 2019



**EN. MD KHAIRULL NIZAM BIN KAMISAN**  
KATEGORI GRED 41-44  
BHG. MEKANIKAL



**PN. SERI ERMANIZA BINTI MOHD EMRAN**  
KATEGORI GRED 17-40  
BHG. KONTRAK & UKUR BAHAN



## FUTSAL PIALA PENGARAH JKR WPKL 2019

Kejohanan Futsal Piala Pengarah JKR WPKL 2019 telah berlangsung pada 24 Ogos 2019 bertempat di KSL Sport CentreMart Setapak Anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan JKR WPKL. Tujuan utama kejohanan ini adalah untuk mengeratkan silaturahim sesama warga JKR dan untuk menerapkan gaya hidup sihat dengan aktiviti bersukan. Seramai 15 pasukan bersaing dalam pertandingan tersebut.

Seluruh Warga CKIP mengucapkan tahniah diatas kemenangan pasukan KESUKIP FC yang beroleh kemenangan tempat ke-3 dalam pertandingan futsal tersebut. Semoga pasukan KESUKIP FC terus mengorak langkah untuk menempa kejayaan di masa yang akan datang. Tahniah KESUKIP FC.





Cawangan Kejuruteraan  
Infrastruktur Pengangkutan



@ckipjkr

# Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

**CAWANGAN KEJURUTERAAN  
INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN  
TINGKAT 8, BLOK F,  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50582  
KUALA LUMPUR.**

**TEL + 603 2610 7214 / 7209**

**FAX + 603 2693 5273**

